



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting


Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kāna yāmā kān

Nur Aini Ariffin

UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

“Batu Belah Batu Bertangkup, telanlah aku hidup-hidup, aku kempunan telur ikan tembakul.”

Siapalah yang tidak mengetahui dialog ikonik ini, bukan? Daripada kanak-kanak hingga ke orang dewasa, setiap daripada kita pastinya pernah mendengar atau membaca petikan dialog ini, sama ada melalui buku cerita, kisah-kisah yang disampaikan oleh datuk dan nenek, atau melalui adaptasi drama di televisyen. Bagi diriku, aku termasuk dalam golongan yang pertama; mengenali dialog ini dan pelbagai lagi petikan cerita rakyat melalui buku-buku cerita yang kubaca sewaktu kecil. Cerita-cerita seperti Si Tanggung Derhaka, Batu Belah Batu Bertangkup, Bawang Putih dan Bawang Merah bukan sahaja memikat hatiku, malahan menjadi saksi awal bagaimana buku mempengaruhi kehidupanku dan memandu langkahku dalam mengejar cita-cita.

Buku, book, كِتَابٌ - walau dalam bahasa apapun ia disebut, sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Arab, semuanya membawa makna serta fungsi yang sama, iaitu sumber ilmu dan inspirasi. Menariknya, jika diperhatikan, ketiga-tiga perkataan ini terdiri daripada empat huruf. Hal ini mungkin suatu kebetulan, tetapi ia juga boleh menjadi isyarat bahawa dalam kesederhanaan bentuk dan namanya yang hanya terdiri daripada empat huruf, buku mampu memberi impak yang mendalam kepada pembacanya.

Pada masa kini, kemunculan *influencer* atau pempengaruh media sosial mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan kita. Golongan ini mampu mempengaruhi pandangan dan perilaku jutaan orang dengan hanya satu hantaran. Mereka sering kali menjadi rujukan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti kesihatan, fesyen dan kecantikan, gaya hidup dan sebagainya. Walaupun pengaruh pempengaruh moden ini tidak dapat disangkal, namun buku masih memegang pengaruhnya yang tersendiri. Jika tidak, masakan wahyu pertama yang diturunkan mengandungi perintah membaca kepada Rasulullah SAW, iaitu dalam Surah al-‘Alaq ayat 1:

﴿ أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴾

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)

Pendahuluan cerita rakyat selalunya bermula dengan frasa seperti “Pada suatu masa dahulu,” “Once upon a time,” atau dalam bahasa Arab, “كَانَ يَآمَّا كَانَ.” Lebih daripada sekadar permulaan cerita, frasa pembuka ini bahkan menjadi pintu gerbang menuju dunia yang penuh dengan keajaiban, petualangan, dan pengajaran. Justeru, aku memilih untuk mengabadikan

كَانَ يَأْمَا كَان (Kāna yāmā kān) sebagai tajuk cerita ini, bagi meraikan kenangan indah zaman kanak-kanak serta kecintaanku terhadap bahasa Arab.

Dahulu, aku hanyalah seorang pembaca yang sering terbuai dalam dunia khayalan dan cerita dongeng yang dicipta oleh para penulis hebat. Kini, izinkanlah pula aku menjadi penglipur lara kepada kisahku sendiri. Kisah tentang aku, buku cerita rakyat, dan sosok yang mendorong minatku untuk membaca, iaitu ayahku. Kāna yāmā kān, demikianlah kisahku bermula...

Awal Perkenalan dengan Buku

Hubunganku dengan buku bermula ketika aku di bangku sekolah rendah. Aku sering teruja setiap kali pihak penerbit buku mengadakan lawatan ke sekolah. Mereka menyiapkan meja dengan buku-buku yang berwarna-warni, dan kami, murid-murid, akan mengelilingi meja tersebut dengan penuh rasa ingin tahu. Kami diberikan senarai judul buku yang boleh dibeli, lalu aku membawa pulang senarai itu untuk ditunjukkan kepada ayah, moga-moga ayah akan terpancing.

Ayahku bukanlah seorang pegawai berpangkat atau bergaji besar. Harga sebuah buku cerita pada tahun 90-an sekitar RM2 sahaja, tetapi aku tahu nilai itu cukup besar pada zaman tersebut, dan aku bimbang ianya akan membebankan ayah. Walau bagaimanapun, ayah tidak pernah menunjukkan tanda keberatan. Setiap kali aku membawa pulang senarai buku, senyuman dan jawapan ayah tetap sama, "Pilihlah yang mana along suka, nanti ayah belikan."

Itulah detik-detik yang paling aku nanti-nantikan. Aku pergi ke sekolah dengan penuh kegembiraan, membawa duit pemberian ayah untuk membeli buku-buku yang aku idamkan. Seperti lazimnya, ayah akan menulis namaku pada buku-buku yang dibeli dengan tulisan tangannya yang cantik, sebagai tanda bahawa buku itu milikku, dan juga simbol kasih sayangnya yang anta permana.

Masih segar di ingatan betapa terujanya aku setiap kali menerima buku baharu, saat pertama kali aku membuka halaman buku cerita yang ayah belikan, bau kertas baharu yang begitu memikat serta ilustrasi menarik yang mewarnai setiap helaian buku tersebut. Setiap cerita membawa aku ke alam yang penuh dengan pengembaraan dan keseronokan.

Buku Sebagai Sumber Inspirasi dan Hikmah

Buku-buku cerita rakyat yang ayah belikan bukan sahaja memberiku hiburan, tetapi juga sarat dengan hikmah kehidupan. Kisah Si Tanggung Derhaka, misalnya, mengajarku betapa pentingnya menghormati orang tua dan tidak melupakan asal usul kita. Cerita Bawang Putih dan Bawang Merah pula menekankan kejujuran dan kebaikan yang akhirnya akan mengalahkan kejahatan. Daripada kisah Mat Jenin, aku belajar bahawa angan-angan tanpa usaha adalah sia-sia, sementara Badang, hamba yang mendapat kekuatan luar biasa selepas memakan muntah hantu, menginspirasi tentang keberanian dan ketekunan dalam menghadapi cabaran hidup.

Setiap cerita ini, walaupun berbeza latar dan watak, menyajikan panduan berharga dalam menghadapi kesulitan, di samping menerapkan prinsip kehidupan yang baik. Berkat inspirasi daripada kisah-kisah ini, minatku terhadap sastera rakyat terus berkembang seiring dengan perjalanan akademikku. Apa yang pada mulanya sekadar hiburan, kini menjadi medan kajian dan penyelidikan yang serius bagiku.

Daripada Buku Cerita Rakyat ke Disertasi Sarjana

Masa berlalu, dan ketika aku melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), aku memutuskan untuk menjadikan cerita rakyat sebagai

tajuk disertasiku. Dalam disertasi yang bertajuk " صورة المرأة في الحياة الأسرية: دراسة أدبية مقارنة في الحكايات الشعبية العربية والملايوية " (*The Image of Women in Family Life: A Literary Comparative Study on Arab and Malay Folk Tales*), aku memberi tumpuan kepada bagaimana wanita digambarkan dalam kehidupan berkeluarga mereka sebagai ibu, isteri dan kakak dalam kedua-dua cerita rakyat Arab dan Melayu.


Kajian perbandingan ini berdasarkan 20 cerita terpilih daripada 2 buah buku terkenal: *حكايات شعبية* (Hikāyāt Sha'biyyatt) oleh Ahmad Ziyād Maḥbak dan Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Daripada 20 cerita tersebut, 10 cerita rakyat Melayu yang dipilih ialah: Si Tanggung Derhaka, Batu Belah Batu Bertangkup, Bawang Putih dan Bawang Merah, Angan-angan Mat So'od, Untung Tidak Bertuah, Batu Dara Bunting, Bismillah, Isteri Yang Bijaksana, Kasih Sejati dan Gadis 2 Beradik. Aku memilih cerita-cerita ini kerana kekuatan naratifnya, dan bagaimana ia menggambarkan peranan wanita dalam pelbagai situasi dan hubungan keluarga.

Dapatan kajianku menunjukkan bahawa imej wanita dalam kedua-dua cerita rakyat ini berkongsi beberapa ciri umum yang mencerminkan sifat kesejagatan dan keuniversalan cerita rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan kecil antara kedua-dua cerita rakyat tersebut, yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti persekitaran, perbezaan budaya, serta kecenderungan dan keutamaan pencerita.

Disertasi ini bukan sahaja menjadi sebahagian daripada perjalanan akademikku, tetapi juga sebuah penghormatan kepada ayah yang telah berkorban membelikan pelbagai buku cerita buatku. Setiap lembaran kajian itu mengingatkan aku kepada senyuman ayah, usaha gigihnya, dan betapa buku-buku itu telah membentuk siapa diriku pada hari ini.

Akhir Ceritera: Hadiah Dari Hati Buat Sang Inspirasi


Betapa ajaibnya sebuah buku cerita, yang dengan mudahnya meresap ke dalam jiwa dan mempengaruhi perjalanan hidup seseorang. Sepertimana tulisan tangan ayah yang sentiasa ada pada setiap buku ceritaku, begitu jugalah segala kenangan manis bersama ayah dan buku-buku itu kekal terpahat di dalam hati. Dengan penuh rasa syukur, aku dedikasikan kisah ini sebagai hadiah daripada hati buat dua sumber inspirasiku: ayah dan buku. Terima kasih ayah, dan terima kasih buku, kerana telah menerangi hidupku.



Buku cerita yang masih elok dalam simpanan penulis




Muka hadapan disertasi sarjana penulis



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

